

BEN-SPKL(01/2011)D

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100.6/4/1(30)

24~~10~~ Februari 2011

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 01 /2011

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2012 DAN
2013**

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011 bertajuk Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2012 dan 2013 seperti di **Lampiran A**. Pekeliling ini adalah menjadi asas kepada penyediaan anggaran belanja mengurus Universiti bagi tahun 2012 dan 2013. Pekeliling yang lengkap boleh dimuat turun dari laman web www.treasury.gov.my.

2. YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diminta menyediakan anggaran belanja mengurus tahun 2012 dan 2013 bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dan perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian :-

- 2.1 Cadangan pertambahan jawatan baru perlu dihantar terus ke Pejabat Pendaftar dengan menggunakan format **ABM-8**. Pejabat Pendaftar perlu

menyediakan perjawatan peringkat Universiti dengan menggunakan format **ABM-3** dan **ABM-3B**. Permohonan perjawatan tambahan hendaklah mengambilkira nisbah pelajar, staf akademik dan bukan akademik.

- 2.2 Cadangan perbelanjaan Dasar Sedia Ada tahun 2012 bagi setiap PTJ perlu disediakan berdasarkan kepada keperluan sebenar tahun 2011.
 - 2.3 Cadangan perbelanjaan untuk Dasar Baru termasuk perluasan dasar seperti menyediakan program/kursus baru perlu disokong dengan surat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi / minit dari Jawatankuasa Senat Universiti dengan menggunakan format **ABM-5** dan **ABM-7**.
 - 2.4 Cadangan perbelanjaan untuk One-Off yang melibatkan pembelian peralatan perlu mengambilkira tujuan pembelian dan tempat manakala naik taraf atau ubahsuai bangunan perlu mengambilkira kemampuan untuk membelanjakan peruntukan tersebut dalam jangkamasa satu tahun kewangan dengan menggunakan format **ABM-5** dan **ABM-7**.
 - 2.5 Cadangan perbelanjaan untuk One-Off bagi perjalanan ke Luar Negara perlu menggunakan format seperti di **Lampiran C** dan menyatakan dengan jelas tujuan lawatan sama ada pembentangan kertas kerja, lawatan kerja rasmi atau kursus/latihan.
 - 2.6 Cadangan perbelanjaan Dasar Baru dan One-Off hendaklah diteliti keperluannya dan senarai keutamaan perlu dibuat dalam ringkasan Cadangan Dasar Baru dan One-Off dengan menggunakan format **ABM-4**. Senarai keutamaan adalah berdasarkan kepada NKRA dan KPI UTHM sebagaimana yang dibentangkan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor.
 - 2.7 Perjanjian Program Tahun 2012 dan 2013 (**ABM-2**) dan Laporan Bajet Program dan Prestasi 2012 dan 2013 hendaklah disediakan bersama.
- 3.0 Penyediaan cadangan perbelanjaan bagi semua PTJ hendaklah mengikut format borang dan peraturan berikut :-

- 3.1 Jadual penyediaan Bajet 2012 dan 2013 adalah seperti di **Lampiran B**. Dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari tidak lewat dari **20 Februari 2011**.
- 3.2 Format Cadangan Perbelanjaan Mengurus seperti di **Lampiran C** iaitu **ABM 1 hingga ABM 8**.
- 3.3 Garis Panduan Bagi Menyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi 2012 dan 2013 seperti di **Lampiran D**.
- 3.4 Garis Panduan Mengenai MBS dan Definisi Istilah boleh digunakan sebagai panduan seperti di **Lampiran E**.
- 3.5 Setiap PTJ akan dibekalkan disket yang mengandungi format ditetapkan dan ianya perlu dikembalikan ke Pejabat Bendahari bersama-sama dengan cadangan perbelanjaan dalam bentuk *hardcopy*.

Sekian untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan selanjutnya.

Terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎: samb. 7050

- s.k
- YBhg. Dato' Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Ketua Unit Audit Dalam

[KK/BPB/S(29.00)202/2-35(SK)(5)]



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2011

Semua Pegawai Pengawal,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2012 DAN 2013**

TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan bagi menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2012 dan 2013.

SENARIO EKONOMI NEGARA

2. Ekonomi negara telah beransur pulih hasil daripada langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang 9.5 peratus dalam tempoh separuh pertama 2010, berbanding negatif 5.1 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2009.

3. Bagi tahun 2011, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka sederhana sebanyak 4.2 peratus dan perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 7 peratus. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi negara dijangka meningkat 5 hingga 6 peratus. Pertumbuhan akan diterajui oleh permintaan domestik dengan pelaburan swasta berkembang sebanyak 10.2 peratus, penggunaan swasta 6.3 peratus dan eksport 6.7 peratus. Dari sudut penawaran, sektor pembuatan kekal menerajui pertumbuhan, meningkat 6.7 peratus manakala sektor perkhidmatan sebanyak 5.3 peratus.

4. Bagi mencapai status negara maju menjelang 2020, Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) diterajui oleh sektor swasta. Kerajaan akan memainkan peranan utama sebagai fasilitator dan akan memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP). Melalui pelaksanaan program dan projek di bawah ETP dan GTP, Kerajaan mensasarkan pertumbuhan KDNK pada kadar 6.0% setahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Justeru

peranan Kementerian/Agensi Kerajaan sebagai fasilitator amatlah penting bagi menyokong sektor swasta untuk memacu negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

5. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal Kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Defisit fiskal disasarkan pada 5.4% pada tahun 2011 dan perlu dikurangkan lagi pada tahun 2012, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal di bawah 3% daripada KDNK pada akhir RMKe-10. Dalam usaha ini, Kerajaan akan memastikan perbelanjaan berhemat dan 'value for money'.

DASAR-DASAR UTAMA NEGARA

6. Dalam menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus tahun 2012 dan 2013, falsafah induk negara iaitu Konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan hendaklah dijadikan asas. Di samping itu, dasar dan inisiatif yang digariskan oleh Kerajaan dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi hendaklah dijadikan panduan oleh Kementerian/Agensi dalam merangka program/aktiviti/projek berdasarkan fungsi masing-masing. Perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti/projek perlu mengambil kira faktor keberhasilan (*outcome*) dan impak serta elemen pengukuran prestasi seperti *Key Result Area* (KRA) atau *Key Performance Indicator* (KPI). Ia antara lain bertujuan meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam di samping membantu dalam pengukuran pencapaian sesuatu dasar atau inisiatif Kerajaan.

7. Antara dasar dan inisiatif utama semasa yang mesti diberi keutamaan adalah seperti mana yang ditekankan dalam RMKe-10, Model Baru Ekonomi, GTP dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta ETP dan NKEA. Perhatian juga perlu diberi ke atas dasar-dasar seperti Misi Nasional dan Wawasan 2020 bagi mencapai matlamat pembangunan negara. Sepuluh (10) idea utama yang digariskan di bawah RMKe-10 perlu diambil kira semasa menyediakan strategi pelaksanaan di peringkat Kementerian/Agensi iaitu:

- i. Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara;
- ii. Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa;
- iii. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan;
- iv. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi;
- v. Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang;

- vi. Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas;
- vii. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif;
- viii. Menyokong perkongsian pintar dan berkesan;
- ix. Menghargai khazanah alam sekitar; dan
- x. Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

8. Di samping itu, lapan (8) *Strategic Reform Initiatives* (SRI) yang telah diperkenalkan bagi membantu merealisasikan tiga (3) matlamat utama di bawah Model Baru Ekonomi iaitu negara berpendapatan tinggi, kemapanan dan keterangkuman perlu juga diberi penekanan. SRI antara lainnya memberi penekanan terhadap pengukuhan ekonomi domestik, meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan sektor awam.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGRUS

9. Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mengurus defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan nilai wang (*value for money*), Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dengan melaksanakan program dan aktiviti secara paling cekap, ekonomi dan berkesan. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:

- i) semua program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun semula berdasarkan keutamaan semasa Kerajaan;
- ii) memastikan program dan aktiviti berkaitan NKRA dan NKEA disediakan peruntukan yang mencukupi;
- iii) pertindihan fungsi sama ada di dalam agensi mahupun di antara agensi hendaklah dielakkan sama sekali;
- iv) penyelenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan diberi keutamaan;
- v) memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
- vi) keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang

kepada pencapaian KPI secara cekap dan berkesan;

- vii) memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk bagi pegawai khidmat singkat/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
- viii) faktor keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh Kementerian/Agensi perlu diambil kira; dan
- ix) garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa berkenaan pengawalan perbelanjaan awam khususnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 perlu dipatuhi.

10. Bagi cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2012, penetapan bagi jumlah cadangan had perbelanjaan [*Expenditure Target (ET)*] akan menggunakan pakai kaedah yang sama seperti dilaksanakan dalam tahun 2011. Sehubungan itu, semua Kementerian/Agensi perlu mengemukakan maklumat mengenai perbelanjaan komited (*commitment*) masing-masing kepada Perbendaharaan sebelum atau pada **28 Januari 2011** bagi tujuan pengiraan cadangan had perbelanjaan. Perbendaharaan seterusnya akan memaklumkan jumlah cadangan had perbelanjaan kepada Kementerian/Agensi bagi urusan penyediaan bajet 2012 dan 2013 selewat-lewatnya pada **11 Februari 2011**. Bagi cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2013, Kementerian/Agensi bolehlah menggunakan jumlah cadangan had perbelanjaan tahun 2012 sebagai asas permohonan. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar cadangan had perbelanjaan bagi tahun 2013 akan dikaji semula pada tahun 2012.

11. Sebagaimana tahun 2011, jumlah bagi cadangan had perbelanjaan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan adalah merangkumi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off*. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan permohonan cadangan anggaran perbelanjaan oleh Kementerian/Agensi hendaklah tidak boleh melebihi daripada jumlah cadangan had perbelanjaan yang akan ditetapkan oleh Perbendaharaan. Kementerian/Agensi hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada jumlah had cadangan perbelanjaan yang ada.

12. Walaupun cadangan had perbelanjaan telah merangkumi Dasar Baru dan *One-Off*, Pegawai Pengawal masih perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut. Ini termasuklah kelulusan Jemaah Menteri atau lain-lain keputusan Kerajaan/Agensi Pusat yang perlu ada sebelum permohonan peruntukan dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan.

13. Permohonan bagi cadangan anggaran perbelanjaan tahunan hendaklah

dikemukakan bersama dengan Perjanjian Program. Dalam menyediakan Perjanjian Program tersebut, Pegawai Pengawal hendaklah menyatakan petunjuk impak bagi perbelanjaan ke atas sesuatu program dan aktiviti.

14. Kementerian/Agensi hendaklah menjadikan penyediaan dan pengumpulan data serta maklumat mengenai perbelanjaan dan *outcome*/impak program/aktiviti mengikut pecahan jantina sebagai suatu amalan rutin. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merupakan *focal point* bagi perkara-perkara berkaitan kesaksamaan gender hendaklah memastikan data-data berkaitan gender boleh diperolehi daripada Kementerian/Agensi pada setiap masa. Ini membolehkan perspektif gender dapat diketengahkan dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program dan intervensi yang lebih berkesan di peringkat Kementerian/Agensi mahupun nasional.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Penyediaan Program dan Projek bagi *Rolling Plan* Kedua, 2012-2013

15. Di bawah *Rolling Plan* Kedua Rancangan RMKe-10, 2012-2013, Kerajaan telah menetapkan siling peruntukan sebanyak RM99 billion bagi membiayai program dan projek yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama serta program dan projek baru bagi *Rolling Plan* Kedua. Dalam membuat perancangan bagi *Rolling Plan* Kedua RMKe-10, Kementerian/Agensi perlu mengambil tindakan berikut:

- i. mengkaji semula program dan projek yang telah dilulus dalam *Rolling Plan* Pertama dengan mengambil kira perkara berikut:
 - a. memberi keutamaan kepada projek sambungan. Untuk tujuan itu, Kementerian/Agensi hendaklah menyediakan keperluan aliran tunai (*cashflow*) bagi setiap projek sambungan bagi tahun 2012 sehingga projek siap;
 - b. bagi program dan projek baru yang hanya akan dimulakan pada tahun 2012, Kementerian/Agensi perlu mengambil tindakan berikut:
 - mengkaji semula program dan projek yang masih belum dimulakan dan menyusun semula program dan projek mengikut keutamaan. Kementerian/Agensi dibenarkan menggugur atau menangguhkan program dan projek yang bermasalah dan dijangka tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan* kedua; dan

- bagi program dan projek yang dijangka boleh dilaksanakan pada tahun 2012, Kementerian/Agensi dikehendaki menyediakan keperluan aliran tunai sehingga projek siap.
- ii. Kementerian/Agensi diminta menyediakan cadangan program dan projek baru yang akan dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Kedua.

Program dan Projek Baru untuk *Rolling Plan* Kedua

16. Dalam merangka program dan projek baru bagi *Rolling Plan* Kedua, Kementerian/Agensi hendaklah memberi keutamaan kepada perkara berikut:

- i. menilai sumbangan projek kepada *Gross National Income* (GNI) dan mengemukakan projek yang memberi sumbangan tertinggi kepada GNI, mempunyai kesan pengganda serta dapat meningkatkan produktiviti;
- ii. cadangan program dan projek hendaklah berdasarkan kepada program nasional RMKe-10 dan inisiatif RMKe-10 yang relevan dengan fungsi Kementerian/Agensi serta menyumbang kepada pencapaian bidang keberhasilan utama dan *outcome* RMKe-10 peringkat nasional. Senarai program nasional dan inisiatif RMKe-10 adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**;
- iii. selaras dengan matlamat Kerajaan yang mensasarkan 40% daripada siling peruntukan RMKe-10 disalurkan kepada pembangunan bukan fizikal, Kementerian/Agensi hendaklah mengutamakan program dan projek berbentuk *soft infrastructure* seperti latihan dan pendidikan;
- iv. tidak bertindih dengan program dan projek yang tersenarai di bawah NKEA; dan
- v. cadangan program dan projek yang dikemukakan hendaklah mengambil kira perkhidmatan yang telah disediakan oleh sektor swasta seperti dalam bidang pendidikan dan kesihatan bagi mengelak *crowding out* penglibatan sektor swasta dalam ekonomi.

Panduan Penyediaan Program dan Projek Baru untuk *Rolling Plan* Kedua

17. Dalam merangka program dan projek baru untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Kedua, perancangan secara komprehensif hendaklah dibuat dengan mengadakan rundingan secara meluas dengan *stakeholders*. Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing semasa menyediakan program dan projek;
- ii. mendapatkan cadangan program dan projek yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Pembangunan Negeri untuk dipertimbang;
- iii. mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri melalui perbincangan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri atau Majlis Tindakan Persekutuan di Peringkat Negeri; dan
- iv. mengadakan perancangan bersepadu dengan mengambil kira kemudahan infrastruktur sedia ada dan juga rancangan pembangunan setempat di kawasan projek yang dicadangkan bagi memastikan semua faktor telah diambil kira semasa pemilihan projek.

Kaedah Mengemukakan Permohonan Program dan Projek

18. Semua permohonan program dan projek sambungan dan baru hendaklah dikemukakan secara *online* dalam modul e-Permohonan melalui Sistem Pemantauan Projek (SPP) II. Dalam modul ini, hubungkait antara 5 teras strategik, KRA, *outcome*, program nasional dan inisiatif RMKe-10 telah dibentuk bagi memudahkan Kementerian/Agensi mengisi dan melengkapkan permohonan. Bagi menyokong setiap cadangan projek baru, Kementerian/Agensi hendaklah menyediakan Matriks Kerangka Logik (*Logical Framework Matrix*) mengikut format di **Lampiran 3**. Matriks tersebut perlu dilampirkan dalam SPP II. Tarikh akhir untuk mengemukakan cadangan program dan projek kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui SPP II adalah pada **31 Mac 2011**.

19. Peruntukan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan 2012 dan 2013 akan disediakan berdasarkan kepada siling yang ditetapkan oleh UPE, JPM. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal hendaklah merujuk kepada pekeliling atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh UPE, JPM bagi memastikan cadangan anggaran perbelanjaan pembangunan disediakan mengikut peraturan atau panduan yang telah ditetapkan.

20. Memandangkan tahun 2012 merupakan tahun kedua RMKe-10, Pegawai Pengawal perlu memastikan projek-projek RMKe-10 dilaksanakan dengan lancar agar projek-projek dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan dan peruntukan yang disediakan dalam tempoh *Rolling Plan* Pertama 2011-2012 digunakan sepenuhnya. Ini bagi memastikan projek-projek baru RMKe-10 dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan. Selain daripada itu, adalah penting bagi agensi pelaksana untuk menguruskan projek berasaskan keputusan (*managing for development results*) melalui kaedah perancangan, pemantauan

dan penilaian yang menekankan kepada pencapaian dan *outcome* kepada golongan sasaran. Tambahan pula, dengan persekitaran ekonomi dunia yang mencabar dan sumber yang terhad (*scarce*), peruntukan yang disediakan untuk membiayai projek pembangunan hendaklah digunakan dengan optimum bagi memastikan pelaksanaan projek-projek dapat memberi impak maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

21. Kementerian/Agensi juga perlu membuat perancangan awal bagi projek-projek yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* RMKe-10. Sehubungan itu, kerja-kerja awalan seperti pengenalpastian tapak dan penyediaan *detail project brief* perlu dimulakan daripada sekarang. Ini penting agar pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-10 dapat berjalan dengan lancar kelak.

22. Bagi projek-projek yang dicadang dibiayai melalui pinjaman, peruntukan akan ditimbang berdasarkan kriteria-kriteria berikut (kecuali bagi projek sosial dan strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun);

- i. projek bercorak komersial, berdaya maju dan mempunyai nilai untuk wang;
- ii. peminjam sanggup menyediakan cagaran ke atas pinjaman yang dipohon.

PERJAWATAN

23. Kerajaan akan memastikan saiz perkhidmatan awam terus terkawal bagi memastikan agensi Kerajaan mempunyai saiz yang bersesuaian dengan tugas dan fungsi selaras dengan objektif penubuhannya. Di dalam menimbangkan permohonan penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kementerian/Agensi perlu mengkaji semula struktur organisasi dan perjawatan sedia ada supaya tidak berlaku pertindihan fungsi bagi memastikan semua jawatan sedia ada melaksanakan tugas secara optimum. Kerajaan juga akan menggunakan pendekatan baru dalam pembangunan organisasi melalui kaedah *multi tasking* dan *outsourcing*.

24. Selaras dengan langkah Kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan berhemat, kaedah penempatan semula (*redeployment*) dan tukar ganti (*trade-off*) perjawatan sedia ada akan dilaksanakan bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Kementerian/Agensi bertanggungjawab memastikan struktur organisasi adalah mantap dan dinamik bagi memenuhi keperluan pelaksanaan GTP, ETP dan RMKe-10.

PENYAMPAIAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUN 2012 DAN 2013

25. Penyediaan cadangan perbelanjaan bagi semua Kementerian/Agensi di mana berkenaan hendaklah mengikut format borang dan peraturan berikut:

- a. Format Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Bagi Maksud Tanggungan, Bekalan dan Badan Berkanun seperti di **Lampiran A**;
- b. Format Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan seperti di **Lampiran B**;
- c. Format Maklumat Bagi Badan Berkanun dan Agensi Yang Mengamalkan Sistem Perakaunan Perdagangan (PDG) seperti di **Lampiran C**;
- d. Cadangan anggaran perbelanjaan 2012 dan 2013 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada **31 Mac 2011** mengikut kalendar seperti di **Lampiran D**;
- e. bilangan naskhah dokumen yang diperlukan seperti di **Lampiran E**; dan
- f. Format Unjuran Keperluan Aliran Tunai Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2012 dan 2013 seperti di **Lampiran F**, hendaklah dikemukakan sebelum **14 November 2011** bagi unjuran keperluan tunai tahun 2012, dan sebelum **14 November 2012** bagi unjuran keperluan tunai tahun 2013 berasaskan kepada anggaran yang dikemukakan kepada Parlimen.

26. Di samping mengemukakan cadangan perbelanjaan dalam bentuk dokumen (*hardcopy*), Kementerian/Agensi juga diminta untuk mengemukakan *softcopy* dalam bentuk disket dengan menggunakan perisian *MS-Excel* bagi format ABM-7 dan format ABP-1 kepada Bahagian Pengurusan Belanjawan, Perbendaharaan.

LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI

27. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Laporan Bajet Program dan Prestasi tahunan sebaik sahaja cadangan perbelanjaan tahunan disediakan. Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Belanjawan, Perbendaharaan sebelum **30 Jun 2011** untuk anggaran perbelanjaan 2012 dan **30 Jun 2012** untuk anggaran perbelanjaan 2013. Penerangan terperinci mengenai cara-cara serta format penyediaan Laporan Bajet Program dan

Prestasi adalah seperti di **Lampiran G**.

28. Semasa menyediakan laporan, Pegawai Pengawal hendaklah mengambil kira sebarang perubahan ke atas struktur Program dan Aktiviti yang diluluskan dan memastikan ianya selaras dengan struktur Program dan Aktiviti di bawah Perjanjian Program.

29. Pegawai Pengawal hendaklah menitikberatkan Penilaian Program bagi setiap Program dan Aktiviti dengan melaksanakannya sekurang-kurangnya sekali dalam lima tahun selaras dengan keperluan di bawah *Modified Budgeting System* (MBS). Garis panduan dan penjelasan mengenai MBS adalah seperti di **Lampiran H**.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN BERDASARKAN *OUTCOME BASED BUDGETING*

30. Selaras dengan kepentingan menilai elemen *outcome* bagi sesuatu Program dan Aktiviti yang dibiayai melalui perbelanjaan awam, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan transformasi terhadap sistem belanjawan sedia ada. Pendekatan secara *Outcome Based Budgeting* (OBB) akan mengambil alih konsep MBS yang telah digunapakai sejak tahun 1990. Peralihan kepada sistem baru ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan akan dimulakan dengan lima (5) Kementerian/Agensi perintis mulai belanjawan tahun 2013.

31. Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Agensi perintis pelaksanaan OBB hendaklah merujuk kepada pekeliling atau garis panduan yang akan dikeluarkan secara berasingan bagi menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan masing-masing. Bagi memastikan kelancaran penyediaan belanjawan negara, Kementerian/Agensi perintis masih perlu mengemukakan cadangan anggaran perbelanjaan berdasarkan MBS dalam tempoh peralihan ini. Oleh itu, Kementerian/Agensi perintis pelaksanaan OBB adalah masih tertakluk kepada pekeliling ini dan permohonan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2012-2013 hendaklah dikemukakan seperti mana yang telah ditetapkan.


PERKARA-PERKARA LAIN

32. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) sentiasa dikemas kini dan data mengenai peruntukan, penambahan/pengurangan peruntukan dan perbelanjaan setiap tahun perlu diisi selaras dengan Arahan No.1, 2004 Majlis Tindakan Negara, Garis Panduan Pertama Penyediaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015: Prospek Ekonomi dan Hala Tuju Strategik dan lain-lain pekeliling yang berkuatkuasa semasa.

33. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Sehubungan itu, Unjuran Keperluan Aliran Tunai Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan hendaklah disediakan dengan lebih tepat supaya dapat dimanfaatkan sebagai alat pengurusan bagi memberi gambaran mengenai pelaksanaan program/aktiviti tahun semasa.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

14 Januari 2011

s.k.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan

SENARAI PROGRAM NASIONAL RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

1.	Program Peningkatan Daya Saing Negara
2.	Program Pengukuhan Ekosistem Bagi Sumber Pertumbuhan Baru Yang Bermilai Tambah Tinggi
3.	Program Rangsangan Kreativiti dan Inovasi
4.	Program Pengukuhan Persekitaran Berorientasi Pasaran dan Mesra Perniagaan
5.	Program Penyediaan Sistem Sokongan untuk Perniagaan dan Pembudayaan Keusahawanan
6.	Program Peningkatan Kualiti Pelajar
7.	Program Mengarusperdana Latihan Vokasional dan Kemahiran
8.	Program Peningkatan Kompetensi Siswazah
9.	Program Peningkatan Keupayaan Penyelidikan dan Inovasi
10.	Program Peningkatan Kecekapan Pasaran Tenaga Kerja
11.	Program Pembasmian Kemiskinan
12.	Program peningkatan pendapatan
13.	Program Pembangunan Luar Bandar Bersepadu
14.	Program Pembangunan Keusahawanan Secara Bersepadu
15.	Program Peningkatan Penyerfaan Bumiputera Dalam Sektor Korporat

16.	Program Pembangunan Wilayah
17.	Program Keselamatan Negara dan Ketenteraman Awam
18.	Program Pembangunan Sektor Kesihatan
19.	Program Pembangunan Sukan dan Rekreasi
20.	Program Peningkatan Kecekapan Sistem Pengangkutan Awam
21.	Program Pengurusan Sumber Asli, Tenaga dan Alam Sekitar
22.	Program Pembangunan Masyarakat
23.	Program Pengukuhan Perpaduan
24.	Program Pembangunan Kebudayaan
25.	Program Pembangunan Perumahan
26.	Program Perkhidmatan Bandar
27.	Program Pembudayaan Tadbir Urus Baik
28.	Program Penambahbaikan Sistem Penyampaian Mesra Pelanggan
29.	Program Pengukuhan Perancangan dan Pengurusan Projek Secara Bersepadu
30.	Program Transformasi Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam

SENARAI INISIATIF RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

1.	Memodenkan Peraturan Perniagaan	23.	Perumpuan koridor di sekitar kluster
2.	Meliberalisasi Sektor Perkhidmatan	24.	NKEA
3.	Menghapuskan herotan pasaran melalui rasionalisasi subsidi	25.	Meningkatkan potensi menjana pendapatan bagi isi rumah 40% terendah
4.	Memperkenalkan Undang-undang Persaingan	26.	Membantu kanak-kanak di kalangan isi rumah 40% terendah untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran
5.	Menambah baik saling hubungan di antara Kerajaan dengan perniagaan	27.	Memperkuh jaringan keselamatan sosial untuk membantu kumpulan yang kurang mendapat manfaat
6.	Membentuk Persekitaran yang Menyokong Inovasi	28.	Menangani keperluan kumpulan sasar khusus melalui pelaksanaan program bersepadu
7.	Mewujudkan peluang inovasi	29.	Memperkuh Keusahawanan Bumiputera untuk Mewujudkan Perniagaan yang Berdaya Saing dalam Sektor Berimpak Tinggi
8.	Pembiayaan inovasi	30.	Memperluas dan Mempertingkatkan Kekayaan Bumiputera bagi Memastikan Pemilihan Secara Kekal dan Berterusan
9.	Meningkatkan program penswastaaan dan Perkongsian Awam-Swasta (PPP)	31.	Menggalakkan Penyertaan Bumiputera dalam Pekerjaan Berpendapatan Tinggi Melalui Peningkatan Keupayaan dan Insentif Permintaan Pasaran
10.	Menubuhkan dana fasilitasi	32.	Memastikan akses kepada infrastruktur fizikal asas dapat dinikmati oleh semua rakyat
11.	Mencapai keseimbangan antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta	33.	Memperkasa wanita bagi meningkatkan sumbangan mereka dalam ekonomi
12.	Mengurangkan kos kawal selia yang dianggung oleh EKS	34.	Membentuk belia untuk menjadi pemimpin masa hadapan yang dinamik dan berinspirasi
13.	Membina keupayaan dan kebolehan	35.	Menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak
14.	Menyokong pewujudan budaya keusahawanan	36.	Menyokong warga emas supaya terus berperanan produktif dan bermakna dalam masyarakat
15.	Mengukuh sistem sokongan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS)	37.	Mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat
16.	Meningkatkan akses EKS kepada pembiayaan	38.	Memperkuh institusi keluarga bagi menghadapi cabaran kehidupan moden
17.	Bersaing dalam pasaran global	39.	Memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya
18.	Persaingan untuk menarik pelaburan dan bakat asing ke Malaysia	40.	Akauntabiliti sekolah terhadap prestasi pelajar
19.	Meningkatkan penembusan jalur lebar	41.	Membuat pelaburan ke atas pemimpin unggul di setiap sekolah
20.	Meneruskan Usaha Menak Taraf Infrastruktur Fizikal untuk Menambah Baik Akses dan Perhubungan	42.	Meningkatkan daya tarikan keguruan dan menghasilkan guru terbaik
21.	Menjamin Pemerolehan dan Pembekalan Tenaga yang Efektif	43.	Transformasi keberkesanan penyampaian
22.	Memacu pertumbuhan melalui aglomerasi bandar	44.	Mengarusperanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti

SENARAI INISIATIF RANCANGAN MALAYSIA KESEPUKUH

45.	Meningkatkan kompetensi siswazah bagi menyediakan mereka memasuki pasaran pekerjaan	66.	Meningkatkan usaha memerangi jenayah
46.	Menjadikan pasaran pekerjaan lebih fleksibel	67.	Mengeraikan hubungan antara polis, orang awam dan sektor swasta
47.	Meningkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja sedia ada	68.	Mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan terjamin
48.	Menarik dan mengekalkan modal insan berkepakaran	69.	Meningkatkan ketelusan ke atas prestasi dan tanggapan terhadap prestasi
49.	Membangun bandar yang berdaya maju dan sesuai didiami	70.	Membentuk strategi pembangunan kental persekitaran bagi Malaysia
50.	Meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar Bandar	71.	Mempertingkat pemuliharaan aset ekologi negara
51.	Meningkatkan penembusan jalur lebar secara signifikan	72.	Mereka bentuk perkhidmatan yang cekap dan mudah kepada rakyat dan perniagaan
52.	Memacu pembaharuan kawal selia dan industri	73.	Mengguna pakai pendekatan rundingan serta mendapat input dan maklum balas secara proaktif
53.	Meningkat pelaburan dalam keupayaan pengangkutan	74.	Menurunkan kuasa kepada agensi penyampaian barisan hadapan
54.	Mempromosi sistem yang lancar bagi semua mod dan operator	75.	Memperkenalkan persaingan dan mekanisme pasaran dalam perkhidmatan awam
55.	Mewujudkan rejim pemantauan dan penguatkuasaan yang mantap	76.	Membanteras rasuah
56.	Mentransformasikan sistem penyampaian penjagaan kesihatan	77.	Pelaksanaan pendekatan berasaskan Outcome
57.	Mempertingkat kualiti, keupayaan dan liputan infrastruktur penjagaan kesihatan	78.	Peralihan daripada pembiayaan infrastruktur fizikal kepada infrastruktur bukan fizikal bagi mencapai Outcome
58.	Peralihan ke arah kesejahteraan dan pencegahan penyakit	79.	Memperkuhuk peranan Kerajaan sebagai penggubal dasar dan pengawal selia bebas
59.	Mempertingkat kualiti modal insan di sektor kesihatan	80.	Meningkatkan peranan sektor swasta dalam pelaburan nasional dan penyampaian perkhidmatan awam
60.	Memperkemas sistem pengagihan perumahan mampu milik	81.	Mengurangkan pemilikan dan kawalan kerajaan dalam aset bukan teras secara sistematik
61.	Memperkuhuk usaha menyediakan perumahan berkualiti tinggi dan persekitaran mampan	82.	Memacu produktiviti bagi memastikan penggunaan kewangan awam yang berhemat
62.	Memupuk industri perumahan yang sihat dan mampan	83.	Merasionalisasi organisasi dan struktur Kerajaan sedia ada
63.	Pengurusan sumber dan bekalan air	84.	Membangun kapasiti dalam organisasi yang memfokus kepada keutamaan Negara
64.	Mengutamakan kecekapan dan meningkatkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	85.	Menarik, membina dan mengekalkan modal insan cemerlang dalam perkhidmatan awam
65.	Memastikan bekalan elektrik yang andal		

LAMPIRAN 3

CONTOH MATRIKS KERANGKA LOGIK (LOGICAL FRAMEWORK MATRIX)

KETERANGAN PROJEK	PETUNJUK UTAMA PRESTASI	KAEDAH PENGESAHAN	ANDAIAAN
<p>Matlamat:</p> <p>Kualiti hidup masyarakat bertambah baik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan hasil tangkapan ikan-Y meningkat 30% menjelang 2012. Hasil pelancongan meningkat 30% menjelang 2012. 	<p>Kaji selidik sosio-ekonomi oleh kementerian.</p>	
<p>Tujuan:</p> <p>Kualiti air sungai meningkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kadar penyakit bawaan air berkurang 40% menjelang 2012. Tangkapan jenis ikan-Y meningkat 20% hingga 2012. 	<ul style="list-style-type: none"> Statistik dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan Jabatan Perikanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Permintaan pasaran bagi jenis ikan-Y kekal stabil Pelancong dimaklumkan tentang kualiti air sungai lebih baik.
<p>Output:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembuangan langsung sisa air oleh isi rumah dan kilang menurun. Keupayaan rawatan sisa air meningkat. 	<p>70% sisa air dari kilang dan 80% air dari isi rumah dirawat dalam loji menjelang 2012.</p>	<p>Laporan kaji selidik oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tahap pencemaran air di hulu sungai kekal. Tahap lambakan sisa tidak terkawal kekal.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung terus dengan EPU.

Aktiviti:	Input dan Sumber	Pra-syarat																																																		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengkaji tahap pelabaran syanikat untuk kepentingan alam sekitar. 2. Mengenal pasti teknologi hijau. 3. Merangka insentif. 4. Menguji dan mengubahsuai insentif. 5. Memberi insentif. 6. Melancar peraturan yang telah dipinda dan memantau keberkesanannya. 7. Meningkatkan tahap kesedaran isi rumah dan industri mengenai impak sisa air. 8. Melatih Pihak Berkuasa Tempatan mengenai penyelenggaraan sistem sisa air. 	<p>1. Jadual Kerja</p> <table border="1" data-bbox="470 694 734 1366"> <thead> <tr> <th>Aktiviti</th> <th colspan="4">Tahun</th> </tr> <tr> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>3</td> <td>4</td> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td colspan="4" style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td colspan="4" style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td colspan="4" style="text-align: center;">→</td> </tr> </tbody> </table> <p>2. Keperluan Sumber Manusia</p> <table border="1" data-bbox="829 694 1093 1366"> <thead> <tr> <th>Personel</th> <th colspan="4">Tahun</th> </tr> <tr> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>3</td> <td>4</td> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Jurutera</td> <td>1</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>2. Juruteknik</td> <td>1</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>3. Pakar Alam Sekitar</td> <td>1</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Aktiviti	Tahun					1	2	3	4	1.	→				2.	→				3.	→				Personel	Tahun					1	2	3	4	1. Jurutera	1				2. Juruteknik	1				3. Pakar Alam Sekitar	1				<p>Pembinaan dibenarkan.</p>
Aktiviti	Tahun																																																			
	1	2	3	4																																																
1.	→																																																			
2.	→																																																			
3.	→																																																			
Personel	Tahun																																																			
	1	2	3	4																																																
1. Jurutera	1																																																			
2. Juruteknik	1																																																			
3. Pakar Alam Sekitar	1																																																			

Sumber : Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung terus dengan EPU.

<p>3. Keperluan Bajet</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Keperluan Bajet</th> <th colspan="4">Tahun</th> </tr> <tr> <th></th> <th>1</th> <th>2</th> <th>3</th> <th>4</th> <th>n</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Pembangunan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>2. Mengurus</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Keperluan Bajet	Tahun					1	2	3	4	n	1. Pembangunan						2. Mengurus						<p>4. Keperluan Bahan dan Peralatan</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Bahan/ Peralatan</th> <th colspan="4">Tahun</th> </tr> <tr> <th></th> <th>1</th> <th>2</th> <th>3</th> <th>4</th> <th>n</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Bahan/ Peralatan	Tahun					1	2	3	4	n	1.						2.					
Keperluan Bajet	Tahun																																														
	1	2	3	4	n																																										
1. Pembangunan																																															
2. Mengurus																																															
Bahan/ Peralatan	Tahun																																														
	1	2	3	4	n																																										
1.																																															
2.																																															

